BULETIN

MPSP BIL. 1/2018

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YBhg. Dato' Sr Haji Rozali
Bin Haji Mohamud
(Yang Dipertua)

PENASIHAT
YBrs. Puan Hjh Ir Rosnani
Binti Haji Mahmod
(Setiausaha Perbandaran)

KETUA EDITOR
Norhayati Binti Sulaiman
(Pengarah Kemasyarakatan)

EDITOR
Muhammad Zulikqram bin Zulkifli
(Jawatankuasa Buletin MPSP)

JURUGAMBAR
Mohd Faiz Bin Abdul Halim
Mohd Fakhrees Bin Mohd Ali

ISI KANDUNGAN

1. **Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Jaya, Bukit Tambun**
   Opening Ceremony of Taman Tambun Jaya Environmental Resource Center, Bukit Tambun

2. **Karnival Sisa Sifar & Pelancaran 8R Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang**
   Zero Waste Carnival & Launching of 8R Environmental Resource Center, Taman Bagan Lalang

3. **Perasmian Projek Fasa Ke-2 Pemasangan Lampu Jalan Di Trek Jogging Bersebelahan Sungai Pertama, Seberang Jaya**
   Opening Ceremony of Phase 2 Lamp Posts Installation along Jogging Track by Sungai Pertama, Seberang Perai

4. **Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) Dan MPSP Tahun 2018**
   Launching Ceremony of 2018 Recycling Competition at School Level by Fraser & Neave Holdings Bhd (FNHB) and MPSP

5. **Majlis Pengumuman Projek Perpustakaan Digital Butterworth Dengan Kemudahan Awam Di Dewan Ria, Kampung Benggali**
   Announcement Ceremony of Butterworth Digital Library Project with Public Anenities Project in Dewan Ria, Kampung Benggali

6. **Majlis Pecah Tanah Cadangan Menaiktaraf Taman Rekreasi Awam Sembilang**
   Groundbreaking Ceremony of Proposed Sembilang Public Recreational Park Upgrade

7. **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Kerajaan Malaysia Diwakili Oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Diwakili Oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai**
   Ceremony to Sign Memorandum of Understanding (MoU) between Malaysian Government Represented by The National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) and Penang State Government Represented by the Seberang Perai Municipal Council

8. **Perasmian Buku 'Bergerak Ke Arah Sisa Sifar'**
   Launching of Book 'Moving Towards Zero Waste'

9. **Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2018-2019**
   Launching Ceremony of Sustainable Community Award 2018-2019

10. **Program Perayaan Sungai Perai 2018**
    Perai River Festival Programme 2018

11. **Pelancaran Web Hackfest MPSP 2018**
    Launching of MPSP Web Hackfest 2018

12. **Pelancaran Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah**
    Launching of Secondary School Mural Painting Competition

13. **Sambutan "Earth Hour" Peringkat MPSP**
    'Earth Hour' Celebration at MPSP Level

14. **Environmental Conservation Awareness Event 2018**

15. **Eco-Therapy Melalui Program Forest Bathing 2018**
    Eco-Therapy Through the Forest Bathing Programme 2018

16. **Majlis Pelancaran Kaunter Pendaftaran MPSP "Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018"**
    Launching Ceremony of MPSP Registration Counter for 'Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018'

17. **Program Kayuhan Basikal Paramount Interstate 160km & 80km**
    Paramount Interstate 160km and 80km Cycling Programme

18. **Majlis Penghargaan Pesara 2018 & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 Majlis Perbandaran Seberang Perai**
    Ceremonies for Retirement Recognition 2018 & Excellent Service Award 2017 Seberang Perai Municipal Council

19. **Majlis Perasmian Upcycle park MPSP**
    MPSP Upcycle Park Opening Ceremont

20. **Perhimpunan Korporat Mpsp Bil. 1/2018**

21. **MPSP Car Free Morning@Seberang Perai Sempena Sambutan International Women's Day**
    MPSP Car Free Morning@Seberang Perai in Conjunction with The International Women's Day Celebration

22. **Pelancaran Karnival 8R Bersama JCI Batu Kawan**
    Launching of 8R Carnival with JCI Batu Kawan

23. **Majlis Perasmian Pocket Park dan Pecah Tanah Gelanggang Pelbagai Guna Lebuh Kampung Benggali, Butterworth**
    Opening Ceremony of Pocket and Groundbreaking Ceremony of Multipurpose Court of Kampung Benggali, Butterworth

24. **Pelancaran Kenderaan Pelbagai Guna (Multi Purpose Vehicle)**
    Launching of Multipurpose Vehicle

25. **Majlis Pelancaran Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPUR)**
    Launching Ceremony of the Fight Against Corruption Campaign (GEMPUR)

26. **Lawatan Delegasi World Urban Forum Ke- (WU9)**
    World Urban Rofum delegation Visit (WUF9)

27. **Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai 2018**
    Launching Ceremony of Green School Award 2018 at Seberang Perai Level

28. **Pemberian Bekas Kitar Semula Kepada Agensi Kerajaan**
    Handing Over of Recycling Bins to Government Agencies

29. **Majlis Penyerahan Sijil '*The Malaysia Book Of Records*' – Agensi Kerajaan Tempatan Pertama Yang Mendapat Tujuh Persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti**
    The 'Malaysia Book og Records' Certificate Giving Ceremony - The First Local Government Agency Received Seven Certificates of Quality-Based Management System

30. **Anugerah Malaysia *Landscape Arhitecture Awards* (MLAA) *Gala Dinner* Oleh *Institute Of Landscape Malaysia* (ILAM)**
    The Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) Gala Dinner by Institute of Landscape Malaysia (ILAM)

31. **Majlis Perasmian Projek Pemasangan Lampu Taman Tunku Seberang Jaya**
    Opening Ceremony of Taman Tunku Seberang Jaya Lighting Installation

32. **Program Sesi Dialog "Saya Peniaga Berintegriti"**
    Dialogue Session Programme 'I'm a Businessperson with Integrity'

33. **Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2018**

34. **Pelancaran Earth Day Challenge 2018 Anjuran Flex Penang**
    Launching of Earth Day Challenge 2018 Organized by Flex Penang

35. **I Love Penang Run 2018**

36. **Pesta Ponggal MPSP 2018**
    MPSP Ponggal Festival 2018

37. **Program MPSP Mesra Pelanggan**
    MPSP Customer Friendly Programme

38. **Perasmian Pameran Dunia Media 2018 & Pelancaran Jom Membaca 10 Minit**
    Opening of World Media Exhibition 2018 & Launching of Let's Read for 10 Minutes

Majlis Perasmian Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Jaya, Bukit Tambun

Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Jaya telah dirasmikan oleh YB Dato' Law Choo Kiang (Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap Adun Bukit Tambun) pada 13 Januari 2018.

Idea untuk mewujudkan pusat sumber ini telah dicetuskan oleh pihak KRT Taman Tambun Jaya di mana ia berfungsi sebagai tempat untuk aktiviti pengumpulan barangan kitar semula dan juga pengumpulan sisa organik untuk tujuan pengkomposan. MPSP mengalu-alukan pengibatan komuniti dalam aktiviti kitar semula ini untuk memaksimumkan kitar semula, mengurangkan penggunaan dan memastikan barangan yang dihasilkan boleh diguna pakai dan dikomposkan bersesuaian dengan konsep 8R *(Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover & Recycle)*. Dengan wujudnya pusat sumber alam sekitar ini, iaanya secara langsung dapat dijadikan sebagai tempat pendidikan alam sekitar terutama dalam mempromosikan program alam sekitar sejajar dengan misi MPSP dalam mewujudkan sebuah badaraya rendah karbon dan badaraya pintar yang berdaya huni menjelang tahun 2022.

Antara yang hadir dalam majlis ini adalah YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Encik Tan You Gee (Pengerusi KRT Tambun Jaya), Ahli Majlis MPSP, Ketua Jabatan serta para penduduk Taman Tambun Jaya.

Opening Ceremony of Taman Tambun Jaya Environmental Resource Center, Bukit Tambun

The Taman Tambun Jaya Environmental Resource Center was officiated by YB Dato' Law Choo Kiang (Yang Dipertua of the Penang State Assembly and Bukit Tambun Assemblyman) on 13th January 2018.

The idea of creating this resource center has been initiated by KRT Taman Tambun Jaya where it serves as a venue for collecting recyclable items as well as organic waste for composting purpose. MPSP welcomes the involvement of the community in this recycling activity to maximize recycling, reduce consumption and ensure that the goods produced can be used or composted in conformity with the 8R concept (Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover & Recycle). With the existence of this Environmental Resource Center, it can directly be used as a place for environmental education, especially in promoting environmental programmes in line with the MPSP mission in creating a low-carbon smart and habitable city by 2022.

Among those who were present at the ceremony were YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Mr. Tan You Gee (Chairman of KRT Tambun Jaya), MPSP councilors, heads of departments and residents of Taman Tambun Jaya.

Karnival Sisa Sifar & Pelancaran 8R Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang

Karnival Sisa Sifar Taman Bagan Lalang telah diadakan pada 14 Januari 2018 bertempat di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, Butterworth. Program ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Beberapa aktiviti turut diadakan dalam program ini seperti zumba, pameran upcyle dan pameran kitar semula. Dalam program yang sama, konsep 8R juga akan dilaksanakan di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang. MPSP berharap program sebegini dapat diteruskan dan diperbanyakkan lagi di seluruh Seberang Perai agar dapat memberi pendedahan kepada orang ramai tentang pentingnya amalan kitar semula dalam budaya hidup seharian dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih cantik dan bersih sejajar dengan motto MPSP iaitu 'Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan'. Turut hadir dalam program ini adalah, YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, Ketua Jabatan, wakil Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, serta para penduduk.

Zero Waste Carnival & Launching of 8R Environmental Resource Center, Taman Bagan Lalang

Taman Bagan Lalang Zero Waste Carnival was held on 14th January 2018 at the Taman Bagan Lalang Environmental Resource Center, Butterworth. This programme was officiated by YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). A number of activities such as zumba, upcyle exhibition and recycle exhibition were held in this programme. In the same programme, the 8R concept were also implemented at the Taman Bagan Lalang Environmental Resource Center. MPSP hopes that such programmes can be continued and expand throughout Seberang Perai in order to expose the public to the importance of practicing the habit of recycling in daily living culture in order to make Seberang Perai more beautiful and clean which in line with MPSP's motto of 'Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow'. Also present at the programme were YB Tuan Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, heads of departments, representative of Taman Bagan Lalang Environment Resource Center, and residents.

Perasmian Projek Fasa Ke-2 Pemasangan Lampu Jalan Di Trek Jogging Bersebelahan Sungai Pertama, Seberang Jaya

Perasmian Projek Fasa Ke-2 Pemasangan Lampu Jalan ini telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Projek ini merupakan sambungan projek Fasa 1 yang telah dirasmikan pada 18 Oktober 2017 yang lalu. Dalam projek yang lepas, sebanyak 21 batang tiang konkrit dan 11 unit lampu (150watt) di laluan trek jogging antara Sungai Pertama dan parit sepanjang 626 meter dengan kos sebanyak RM 60,496.60. Bagi Fasa Kedua pula, penambahan sebanyak 11 batang tiang konkrit dan 8 unit lampu (150watt) telah dipasang di laluan trek jogging sepanjang 328 meter dan telah siap pada 10 Januari 2018. Kos bagi projek Fasa Kedua ini adalah sebanyak RM 42,700.00.

Pemasangan lampu awam di laluan trek Jogging bersebelahan dengan Sungai Pertama dan Sungai Derhaka ini merupakan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP dalam menyediakan kemudahan lampu yang secukupnya di kawasan tersebut bagi aktiviti riadah pada waktu awal pagi dan lewat petang atau malam bagi menjamin keselamatan pengguna atau orang awam yang berkunjung dan menjalankan aktiviti riadah.

Dengan adanya kemudahan ini, ia juga memberi faedah kepada penduduk di sekitar Taman Siakap, Taman Chai Leng Park, Taman Senangin, Taman Sembilang, Taman Todak, Bandar Sunway, Taman Sutra dan menarik minat pengunjung dari luar kawasan Seberang Jaya juga untuk beriadah. Projek ini secara amnya dapat merealisasikan agenda Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyediakan keadaan persekitaran yang lebih sihat dan selamat kepada penduduk Seberang Perai.

Antara yang hadir adalah YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti & Pengangkutan), YB Dr Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa Dan Kesihaatan), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), pegawai dari JPS dan JKR, Ahli Majlis MPSP, Ketua Jabatan dan orang ramai.

Opening Ceremony of Phase 2 Lamp Posts Installation along Jogging Track by Sungai Pertama, Seberang Jaya

The opening of this Phase 2 Lamp Posts Installation has been officiated by YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). This project is a continuity from the Phase 1 project which were officiated at 18th October 2017 previously. In the previous project, as many as 21 concrete posts and 11 units of lamp (150 watt) were installed along jogging track between Sungai Pertma and trench as long as 626 meters, costing RM 60,496.60. For Phase 2, on the other hand, 11 concrete posts and 8 units of lamp (150 watt) were installed along jogging track that stretches 328 meters and were completed by 10th January 2018. The cost for the Phase 2 project was as much as RM 42,700.00.

This public lamps installation along jogging track beside Sungai Pertama and Sungai Derhaka was the effort of Penang State Government and MPSP in providing sufficient lighting facilities at the location for leisure activities early in the morning and late evening or at night to ensure the safety of users or public who visit and carry out leisure activities there.

With the availability of this facilities, it also benefits the residents of Taman Siakap, Taman Chai Leng Park, Taman Senangin, Taman Sembilang, Taman Todak, Bandar Sunway, Taman Sutra and attracts the interest of visitors from outside of Seberang Jaya area to hang out. Generally, this project was able to realise the Penang State Government's agenda to provide an environment situation that is healtier and safer to Seberang Perai's residents.

Among those who attended were YB Tuan Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities and Transportation), YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco of Agriculture, Agro-Based Industries, Rural Development and Health), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), officials from JPS and JKR, MPSP councilors, heads of departments and the public.

Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) Dan MPSP Tahun 2018

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud pada 18 Januari 2018 bertempat di Auditorium MPSP. Program ini telah diadakan sejak tahun 2017 dan tahun ini merupakan tahun kedua penganjurannya. Penaja utama pertandingan ini adalah syarikat Fraser & Neave Holdings Bhd (FNHB) dan penaja bersama adalah syarikat Tetra Pak (M) Sdn. Bhd.

Pertandingan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan para pelajar sekolah tentang kepentingan kitar semula serta menyemai perubahan tingkah laku positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kitar semula. Para pemenang yang menyertai pertandingan ini akan dinilai berdasarkan jumlah beratan purata tertinggi iaitu jumlah keselurhan (aluminium + plastic + kotak minuman + barangan elektrik & elektronik), dibahagikan dengan jumlah pelajar sekolah. Pada tahun ini, penganjur telah menambah satu lagi kategori iaitu Kategori Pra Sekolah dan menyediakan hadiah khas bagi kategori Sudut Kitar Semula Paling Kreatif antara sekolah yang melibatkan sekolah menengah dan rendah sahaja.

Diharap dengan adanya pertandingan ini, ianya akan berjaya menarik dan memupuk minat para pelajar dan pendidik untuk menjadikan kitar semula sebagai satu budaya. Ini kerana, agensi pendidikan merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Launching Ceremony of 2018 Recycling Competition at School Level by Fraser & Neave Holdings Bhd (FNHB) and MPSP

This launching ceremony was officiated by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud on the 18th January 2018 at MPSP Auditorium. The programme has been held since 2017 and this year is the second year this event was held. The main sponsor of this competition was Fraser & Neave Holdings Bhd (FNHB) and co-sponsor was Tetra Pak (M) Sdn. Bhd.

This competition aims to increase the knowledge of school children on the importance of recycling as well as to instill continuous positive behavioral changes on the students especially on recycling. The winners participating in this competition will be judged based on the highest average of total weight (aluminum + plastic + beverage boxes + electrical & electronic items), divided by the number of school children. This year, the organizer has added another category, the Pre-School Category and has provided a special gift for the Most Creative Recycling Corner category between schools involving secondary and primary schools only.

Hopefully, with this competition, it will attract and foster interest of students and educators to make recycling as a culture. This is because education agencies are important starting points in forming a society that loves the environment in conjunction with MPSP's goal of making Seberang Perai a Low Carbon City by 2022.

Majlis Pengumuman Projek Perpustakaan Digital Butterworth Dengan Kemudahan Awam Di Dewan Ria, Kampung Benggali

Projek Perpustakaan Digital Butterworth Dengan Kemudahan Awam ini merupakan salah satu projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. Tujuan projek ini dilaksanakan adalah untuk memberi kemudahan pembelajaran kepada golongan muda dan dewasa di samping menjadi platform perkembangan ilmu pengetahuan.

Perpustakaan Digital ini akan dibangunkan di bangunan Dewan Ria milik MPSP dengan kos perbelanjaan sebanyak RM4.6 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2019. Projek yang akan dibangunkan ini akan dilengkapi dengan beberapa komponen seperti Perpustakaan Digital, Dewan Komuniti, Ruang Aktiviti Sukan Indoor dan Kafeteria. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guang Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, para EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Yang Dipertua MPSP, para Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Jabatan, pegawai dari Think City dan Ahli Majlis MPSP.



Announcement Ceremony of Butterworth Digital Library Project with Public Amenities Project in Dewan Ria, Kampung Benggali

This Butterworth Digital Library with Public Amenities Project is one of Penang State Government's projects in collaboration with MPSP and Think City Sdn. Bhd. The purpose of commencing this project is to provide learning facilities for youth and adults while being a platform for knowledge development.

The Digital Library will be built in Dewan Ria building which belongs to MPSP costing RM 4.6 million and is expected to be fully completed by October 2019. The project will be equipped with several components such as the digital library, community hall, indoor rooms for sports activities and cafeteria. The opening ceremony was officiated by YAB Tuan Lim Guang Eng (Penang Chief Minister). Also present were Penang Deputy Chief Minister II, Penang State Government EXCOs, ADUN, Yang Dipertua MPSP, Penang State Government officials, heads of departments, officials from Think City and MPSP councilors.

Majlis Pecah Tanah Cadangan Menaiktaraf Taman Rekreasi Awam Sembilang

Majlis Pecah Tanah Taman Rekreasi Awam Sembilang telah diadakan pada 7 April 2018 bertempat di Taman Sembilang, Seberang Jaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir). Kos keseluruhan bagi menaiktaraf taman ini adalah berjumlah RM 120,120.00 dan dijangka siap bulan Jun 2018. Taman yang bakal dibina akan dilengkapi dengan beberapa komponen seperti laluan pejalan kaki, dataran kejat, Free Standing Wall, struktur arca bangku, lantai konkrit, penanaman rumput dan pokok. Cadangan naiktaraf taman ini adalah sejajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat sekaligus dapat memenuhi kehendak penduduk setempat. Hadir sama dalam majlis ini, YB Dr. Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan, wakil komuniti dan penduduk.

Announcement Ceremony of Butterworth Digital Library Project with Public Amenities Project in Dewan Ria, Kampung Benggali

The groundbreaking ceremony of Upgrading Sembilang Recreational Park was held on 7th April 2018 at Taman Sembilang, Seberang Jaya. The ceremony was officiated by YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco of Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation). The total cost of upgrading the park is RM 120,120.00 and is expected to be completed by June 2018. The park will be equipped with several components such as pedestrian walkways, slate plains, Free Standing Wall, bench sculpture, concrete floor, lawn and tree planting. Proposal to upgrade the park is in conjunction with the State Government's initiative in making Penang a clean, green, safe and healthy state while meeting needs of local residents. Also present at the event, YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco of Agriculture, Agro-based Industry, Rural Development and Health), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Mohamud (Yang Dipertus MPSP), MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), heads of departments, community representatives and residents.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Kerajaan Malaysia Diwakili Oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Diwakili Oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai

Satu memorandum persefahaman (MoU) antara NAHRIM dan MPSP yang diwakili oleh YBhg. Datuk Ir Dr. Azuhan Bin Mohamed (Ketua Pengarah NAHRIM) dan YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah ditandatangani pada 3 April 2018 bertempat di Auditorium MPSP. MoU ini bertujuan untuk perkongsian data serta maklumat bagi membangunkan pelan induk dan memperkukuhkan kerjasama dalam bidang sumber air dan persekitarannya, sungai, tasik dan pantai. Antara skop kerjasama adalah :

i. Penggunaan fasiliti bertaraf dunia
ii. Kolaborasi penyelidikan
iii. Perundingan dan khidmat nasihat
iv. Pemindahan teknologi dan latihan

MPSP akan membantu pihak NAHRIM dalam menyediakan maklumat projek pembangunan dan infrastruktur untuk melengkapkan penyediaan pelan induk. Hasil daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan sumber maklumat kepada MPSP dalam merancang, mengurus pembangunan serta menangani masalah banjir dan pengurusan sistem perparitan. Turut hadir ke majlis ini adalah YBhg. Dato' Professor Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya (Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai NAHRIM), Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan pegawai dari NAHRIM.

Ceremony to Sign Memorandum of Understanding (MoU) between Malaysian Government Represented by The National Hydraulic Research Institute of Malaysia (NAHRIM) and Penang State Government Represented by the Seberang Perai Municipal Council

A Memorandum of Understanding (MoU) between NAHRIM and MPSP represented by YBhg. Datuk Ir Dr. Azuhan bin Mohamed (General Director of NAHRIM) and YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Ynag Dipertu MPSP) was signed on 3rd April 2018 at the MPSP Auditorium. The MoU aims to share data and information to develop a master plan and strengthen cooperation in the field of water resources and its surroundings, rivers, lakes and shores. Among the scope of cooperation are:

i. The use of world-class facilities

ii. Research collaboration

iii. Consultation and advisory services

iv. Technology transfer and training

MPSP will assist NAHRIM in providing information on development projects and infrastructure to complement the preparation of the master plan. The outcome of this study can be used as a source of reference and information to MPSP in planning, managing development and addressing flood problems and in drainage management. Also present at the event was YBhg. Dato' rofessor Dr. Nasehir Khan E.M. Yahaya (Director of NAHRIM River Basin Research Center), councilors, heads of departments and officials from NAHRIM.

Perasmian Buku 'Bergerak Ke Arah Sisa Sifar'



YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah menyempurnakan perasmian buku 'Bergerak Ke Arah Sisa Sifar' pada 3 April 2018 bertempat di Auditorium MPSP. Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang peka terhadap isu-isu alam sekitar. Buku ini diterbitkan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan juga sumber inspirasi kepada orang ramai dalam menjaga alam sekitar kerana terdapat pelbagai aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh 'Green Warrior' hasil kolaborasi dengan MPSP. Hadir sama dalam majlis ini adalah Tuan Haji Mohideen Abdul Kader (Timbalan Presiden CAP), Ahli Majlis, Ketua Jabatan, wakil komuniti, guru-guru sekolah dan wakil CAP.

Launching of Book 'Moving Towards Zero Waste'

YBhg. Dato 'Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) officiated the launching of book 'Moving Towards Zero Waste' on 3rd April 2018 at the MPSP Auditorium. The purpose of publishing this book is to encourage and create a society and local communities who are sensitive towards environmental issues. This book is published by the Penang Consumer Association (CAP) and can be used as a reference and source of inspiration for the public in taking care of the environment as there are various activities successfully implemented by the 'Green Warrior' as a result of collaboration with MPSP. Also present at the ceremony were Tuan Haji Mohideen Abdul Kader (Vice President of CAP), councilors, heads of departments, community representatives, school teachers and CAP representatives.

Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2018-2019

Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan bagi tahun 2018-2019 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) pada 2 April 2018 bertempat di Auditorium MPSP. Anugerah ini telah diadakan sejak tahun 2013 bagi memberikan pengiktirafan kepada inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga alam sekitar. Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan sebuah masyarakat supaya sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Anugerah ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar dengan Rukun Tetangga, JKKK, JMB/MC dan Pusat Sumber Alam Sekitar seluruh Seberang Perai. Syarikat Amphenol TCS telah menjadi penaja bagi anugerah ini. Turut hadir ke majlis ini adalah Dato' Lee Teong Li (Pengurus Besar Wilayah Amphenol TCS Bukit Mertajam), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), ketua-ketua jabatan dan kakitangan syarikat Amphenol TCS.

Launching Ceremony of Sustainable Community Award 2018-2019

The Sustainable Community Award Launching Ceremony for year 2018-2019 was officiated by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) on 2nd April 2018 at the MPSP Auditorium. The award was held since 2013 to recognize the green initiatives undertaken by the community in taking care of the environment. The purpose of this programme is to encourage the society to be healthy and sensitive towards environmental issues so that it is in balance with the economic and social development. This award is open to all Resident Associations registered with Rukun Tetangga, JKKK, JMB / MC and the Environment Resource Centers throughout Seberang Perai. Amphenol TCS C ompany has sponsored for this award. Also present at the event were Dato' Lee Teong Li (General Manager of Amphenol TCS, Bukit Mertajam Region), MPSP councilors, YBrg. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), heads of departments and staffs of Amphenol TCS company.

Program Perayaan Sungai Perai 2018

Perayaan Sungai Perai@Taman Kimsar telah diadakan pada 31 Mac 2018 bertempat di Sungai Perai dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir). Turut hadir dalam program ini adalah YB Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang), YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Pegawai dari Think City Sdn. Bhd., Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan MPSP dan orang awam.

Program ini adalah anjuran bersama antara MPSP, Think City Sdn. Bhd. dan Zart Gallery Sdn. Bhd. dan ianya bersempena sambutan Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai 2018 yang disambut pada 14 Mac setiap tahun. Program ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan dalam memelihara dan memulihara sungai di kalangan masyarakat serta memberi pendedahan kepada orang awam mengenai langkah-langkah dan amalan yang boleh mengekalkan keindahan semulajadi sungai. Beberapa aktiviti turut diadakan dalam program ini seperti Bengkel *"Water Quality Testing Kit'*, Bengkel Seni Eco, Program Pengenalan dan Pembersihan Sungai, menyelusuri Sungai Perai dan Pameran Eco Hidupan Liar.

Perai River Festival Programme 2018

Perai River Festival at Kimsar Park was held on 31st March 2018 at Sungai Perai and was officiated by YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco of Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation). Also present at the programme was YB Prof. Dr. P. Ramasamy (Penang State Deputy Chief Minister II), YB Tuan Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Community and Environment), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), officials from Think City Sdn. Bhd., MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), MPSP heads of departments and the public.

This programme is jointly organized by MPSP, Think City Sdn. Bhd. and Zart Gallery Sdn. Bhd. and in conjunction with the International Action Day for River 2018 celebrations which is celebrated on March 14 each year. The programme aims to create awareness on the importance of preserving and conserving rivers among community members as well as exposing the public to the steps and practices that can maintain the natural beauty of the river. Few activities were also held in the programme such as 'Water Quality Testing Kit' Workshop, Eco Art Workshop, River Introduction and Cleaning Programme, walking along Perai River and Wildlife Eco Exhibition.

Pelancaran Web Hackfest MPSP 2018

Majlis Pelancaran Web Hackfest MPSP 2018 telah diadakan pada 31 Mac 2018 bertempat Auditorium MPSP oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Tujuan laman web ini adalah untuk menyediakan maklumat dan pendaftaran peserta berkenaan program 'hackaton' yang dikenali sebagai Hackfest MPSP 2018 yang akan diadakan pada 13 Julai hingga 15 Julai 2018 nanti. Kaedah ini akan memudahkan semua warga Malaysia untuk mencapai dan mendaftar secara berkumpulan. Kaedah ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan MPSP ke arah bandar pintar, malah ianya juga dapat memudahkan kerjasama di antara golongan muda dan MPSP.

Dengan pelancaran laman web Hackfest MPSP 2018 ini, ianya diharap dapat melibatkan pelbagai pihak terutamanya yang berada di luar kawasan Seberang Perai. Orang ramai boleh melayari http://hackfest.mpsp.gov.my untuk sebarang info dan pendaftaran. Hadir sama dalam majlis ini adalah YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar), YB Dr. Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Ketua Jabatan MPSP.

Launching of MPSP Web Hackfest 2018

The Launching Ceremony of MPSP Web Hackfest 2018 was held on 31st March 2018 at the MPSP Auditorium by YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). The purpose of this website is to provide information and register participants involving in the 'hackaton' programme known as Hackfest MPSP 2018 which will be held from 13th to 15th July 2018. This method will make it easier for all Malaysians to reach out and register in groups. This method not only aimed to improve the service of MPSP towards smart cities, but also facilitates cooperation between youth and MPSP.

With the launch of the Hackfest MPSP 2018 website, it is hoped that it will involve various parties especially those who are outside of Seberang Perai area. The public can access http://hackfest.mpsp.gov.my for more information and registration. Also present at the event was YB Tuan Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Community and Environment), YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco og Agriculture, Agro-based Industry, Rural Development and Health), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, YBrs.Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary) and MPSP heads of departments.

Pelancaran Pertandingan Melukis Mural Sekolah Menengah

MPSP bekerjasama dengan Kelab Lion Daerah 308 B2 Malaysia untuk menganjurkan Pertandingan Melukis Mural sekolah Menengah yang bertemakan 8R. Tujuan pertandingan ini dijalankan adalah bagi mewujudkan kesedaran konsep 8R dan kepentingan *'smart consumption'* bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan di kalangan pelajar. Pertandingan melukis mural ini dibuka kepada sekolah menengah di Seberang Perai dan penyertaan dihadkan kepada 15 buah sekolah.

MPSP telah memulakan kempen program sisa sifar pada tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, komuniti dan kilang. Untuk menjayakan kempen kitar semula, konsep 8R telah diperkenalkan, iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover* dan *Recyle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah.

Hadir bagi merasmikan majlis ini adalah YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Turut hadir Encik Douglas Oh Aik Kim *(District Governor Lions Club International District 308 B2)*, Ahli Majlis MPSP, Ahli Lions Club International District 308 B2, wakil sekolah dan Ketua Jabatan MPSP.

Launching of Secondary School Mural Painting Competition

MPSP is working with Malaysian Lion Club of the 308 B2 district to host the 8R themed Mural Painting Competition. The purpose of the competition was to create awareness of 8R concepts and the importance of 'smart consumption' to take care of the environment for future's sake among students. This mural painting competition is open to secondary schools in Seberang Perai and participation is restricted to 15 schools.

MPSP has started a zero waste programme campaign in 2010. This programme targetted schools, communities and factories. In order to succeed the recycling campaign, the 8R concept was introduced, namely Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover and Recyle. This concept invites people to think first before creating waste.

Presented to officiate the ceremony was YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Also present were Mr. Douglas Oh Aik Kim (District Governor Lions Club International District 308 B2), MPSP councilors, Lions Club International District 308 B2 Members, school representatives and MPSP heads of departments.

MURAL DRAFT SMK BERAPIT

Environmental Conservation Awareness Event 2018

Program "Environmental Conservation Awareness 2018" telah diadakan pada 24 Mac 2018 bertempat di Sungai Derhaka, Taman Tunku Seberang Jaya. Program ini kerjasama antara MPSP dengan syarikat South Island Garment Sdn. Bhd. Program ini bertujuan untuk memelihara dan memulihara kualiti air dengan menggunakan bebola tanah yang dilontar ke dalam sungai. Rawatan kualiti air di Sungai Derhaka ini telah bermula sejak 2016. Sehingga kini, jumlah keseluruhan bebola tanah yang dilontar ke dalam Sungai Derhaka adalah sebanyak 60,000. Hadir bagi merasmikan program ini adalah YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Hadir sama adalah YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Encik Lim Eng Chuan (Pengurus Besar South Island Garmen Sdn. Bhd.), Encik Loy Chia Chun (Timbalan Pengurus Besar Amstrong Technology Sdn. Bhd.), Encik Hasbullah Bin Hamzah (wakil dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang).

Environmental Conservation Awareness Event 2018

The Environmental Conservation Awareness 2018 programme was held on 24th March 2018 at Sungai Derhaka, Taman Tunku Seberang Jaya. This programme was a collaboration between MPSP and South Island Garment Sdn. Bhd. This program aims to preserve and conserve water quality by using the mud balls that were thrown into the river. Water quality treatments at Derhaka River had been started since 2016. To date, the total number of mud balls thrown into the Derhaka River were as many as 60,000. Attended to officiate this programme was YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Also present were YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), Mr. Lim Eng Chuan (General Manager of South Island Garmen Sdn Bhd), Mr. Loy Chia Chun (Deputy General Manager of Amstrong Technology Sdn Bhd), Mr. Hasbullah bin Hamzah (representative from the Penang State Department of Environment).

Sambutan *"Earth Hour"* Peringkat MPSP

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah melancarkan Sambutan "Earth Hour" peringkat MPSP bertempat di tempat letak kereta Menara MPSP Bandar Perda. Lampu di Menara MPSP dipadamkan selama 1 jam sebagai tanda simbolik bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan penjimatan tenaga dan kesannya terhadap alam sekitar di samping berperanan menyedarkan masyarakat mengenai pelepasan gas rumah hijau. Sambutan ini juga adalah sejajar dengan aspirasi Seberang Perai untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon menjelang tahun 2022. Hadir sama dalam program ini adalah Ahli Majlis MPSP dan para kakitangan.

"Earth Hour" Celebration at MPSP Level

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) launched the MPSP-level "Earth Hour" celebration at the parking lot of MPSP Tower at Bandar Perda. The lights at the MPSP Tower were off for 1 hour as a symbolic sign to give awareness to the public on the importance of energy saving and its impact on the environment as well as to make the public realise about greenhouse gas emission. This celebration was in conjunction with Seberang Perai's aspiration to become a low carbon city by 2022. Also present to this programme were MPSP councilors and staffs.

Eco-Therapy Melalui Program Forest Bathing 2018

Eco-Therapy melalui Program Forest Bathing merupakan salah satu pengisian daripada strategik "Care For Elders" yang dianjurkan bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2018. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas Dan Tebatan Banjir) bertempat di Bukit D.O Bukit Mertajam. Turut hadir adalah YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti Dan Pengangkutan), YB Puan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti), YB Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Mahmod (Setiausaha Perbandaran), Encik Tan Choo Eng (wakil dari Malaysia Nature Society), Ketua Jabatan MPSP dan orang ramai.

"Forest Bathing" merupakan satu konsep yang mula diperkenalkan di negara Jepun pada tahun 1980an dengan gelaran sebagai "Shirin-Yoku" yang menjadi asas dalam penjagaan kesihatan dalam perubatan Jepun yang melibatkan aktiviti riadah di kawasan hijau. Matlamat program ini adalah lebih kepada terapi diri dan terapi minda dengan berjalan-jalan di dalam kawasan hutan sambil menikmati dan menghargai keindahan alam semulajadi serta merangsangkan semua deria manusia. Program ini adalah sejajar dalam memenuhi inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu *"Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang"* dan selaras dengan pelaksanaan pelan strategik Seberang Perai 2018-2022.

Eco-Therapy Through the Forest Bathing Programme 2018

Eco-Therapy Through the Forest Bathing Programme is one of the filling of the strategy "Care for Elders" organized in conjunction with the 2018 Women's Day Celebration. The opening ceremony of this programme was officiated by YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco of Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation) located at Bukit D.O. Bukit Mertajam. Also present were YB Tuan Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities and Transportations), YB Puan Chong Eng (Exco of Youth and Sports, Women, Family and Community Development), YB Sim Chee Keong (Member of Parliament for Bukit Mertajam), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Mahmod (Municipal Secretary), Mr. Tan Choo Eng (representative from Malaysia Nature Society), MPSP heads of departments and the public.



"Forest Bathing" is a concept that was first introduced in Japan in the 1980s with the title "Shirin-Yoku" which became the basis of healthcare in Japanese medicinal practice involving recreational activities in green areas. The aim of the programme is more towards self-therapy and mind-therapy with a walk in the jungle while enjoying and appreciating the beauty of nature and stimulating all human senses. The programme is in conjunction with the Penang State Government's initiative of "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang" and in line with the implementation of the Seberang Perai Strategic Plan 2018-2022.

Majlis Pelancaran Kaunter Pendaftaran MPSP "Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018"

Majlis Pelancaran Kaunter Pendaftaran APMG Penang 2018 telah diadakan pada 20 Mac 2018 bertempat di Menara MPSP Bandar Perda. Kaunter Kelab Sukan MPSP di perkarangan Kaunter PESUKA, Tingkat Bawah, Menara MPSP dijadikan sebagai Kaunter Pendaftaran APMG Penang 2018. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YB Puan Chong Eng (Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti) dan YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Hadir sama dalam majlis ini adalah Puan Linda Gay (Chief Executive Officer APMG 2018), Ahli Majlis MPSP serta Ketua Jabatan.

Tujuan kaunter pendaftaran APMG adalah untuk menguruskan pendaftaran peserta bagi 21 acara sukan di seluruh negeri Pulau Pinang dan akan dikendalikan oleh kakitangan Kelab Sukan MPSP atau Persatuan Kebajikan Sukan & Sosial MPSP (PESUKA). Berikut adalah 21 acara sukan yang akan dipertandingkan termasuk umur minimum untuk mengambil bahagian :

1. Memanah (30 tahun)
2. Olahraga (30 tahun)
3. Badminton (35 tahun)
4. Bola Keranjang (30 tahun)
5. Berbasikal (30 tahun)
6. Bola Sepak (30 tahun)
7. Golf (35 tahun)
8. Hoki (35 tahun)
9. Tarian Singa (30 tahun)
10. Bola Jaring (30 tahun)
11. Menembak (30 tahun)
12. Softball (35 tahun)
13. Skuasy (35 tahun)
14. Berenang (25 tahun)
15. Pingpong (30 tahun)
16. Taekwondo (30 tahun)
17. Tenis (30 tahun)
18. Tenpin Bowling (35 tahun)
18. Angkat Berat (35 tahun)
21. Wushu (30 tahun)



Launching Ceremony of MPSP Registration Counter for "Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018"

Launching Ceremony of APMG Penang 2018 registration counter was held on 20 March 2018 at MPSP Tower, Perda City. MPSP Sports Club counter at PESUKA Counter area, Ground Floor, MPSP Tower were made the APMG Penang 2018 registration counter. The launching ceremony was officiated by YB Puan Chong Eng (Exco of Youth and Sports, Women, Family and Community Development) and YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Also present at the ceremony were Mrs. Linda Gay (Chief Executive Officer of APMG 2018), MPSP councilors and heads of departments

The purpose of APMG registration counter is to manage the registration of participants for 21 sports events throughout the state of Penang and will be conducted by MPSP Sports Club staff or MPSP Sports and Social Welfare Association (PESUKA). Following are 21 sports events to be contested including the minimum age to participate:

1. *Archery (30 years)*
2. *Sports (30 years)*
3. *Badminton (35 years)*
4. *Basketball (30 years)*
5. *Cycling (30 years)*
6. *Football (30 years)*
7. *Golf (35 years old)*
8. *Hockey (35 years)*
9. *Lion Dance (30 years)*
10. *Netball (30 years)*
11. *Shooting (30 years)*
12. *Softball (35 years)*
13. *Squash (35 years)*
14. *Swim (25 years)*
15. *Table tennis (30 years old)*
16. *Taekwondo (30 years)*
17. *Tennis (30 years)*
18. *Tenpin Bowling (35 years)*
18. *Weightlifting (35 years)*
21. *Wushu (30 years)*

Program Kayuhan Basikal Paramount Interstate 160km & 80km

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah hadir bagi sesi pelepasan Program Kayuhan Basikal Paramount Interstate yang diadakan di Design Village. Program ini adalah kerjasama antara MPSP dengan Kelab Basikal G Club dan Paramount Property. Seramai 1045 peserta dari dalam dan luar negara telah mengambil bahagian dalam program ini. Kayuhan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu 160km dan 80km di mana para peserta akan melalui sempadan negeri Pulau Pinang dan Perak. Antara jemputan yang hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Lim Seh Guan (Presiden Kelab Basikal G Club), Encik Beh Chun Chong (Ketua Pegawai Eksekutif Paramount Property) dan Supt. Abdul Halid Bin Ludin (Pegawai Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti IPK Pulau Pinang).

Paramount Interstate 160km and 80km Cycling Programme

Ybhg. Dato' Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP) attended the Paramount Interstate Cycling Program launching session was held at Design Village. This programme was a collaboration between MPSP and G Club Penang Cyclists and Paramount Property. A total of 1045 participants from within and outside of the country participated in the programme. The cycling was divided into two categories: 160km and 80km, where participants will travel through the border of Penang and Perak. Among the invited guests were YBhg. Dato' Dr. Lim Seh Guan (President of G Clun Penang Cyclists), Mr. Beh Chun Chong (Chief Executive Officer of Paramount Property) and Supt. Abdul Halid bin Ludin (Department for Crime Prevention and Community Safety, IPK Penang official).

Majlis Penghargaan Pesara 2018 & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 Majlis Perbandaran Seberang Perai

Majlis Penghargaan Pesara bagi tahun 2018 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2017 MPSP telah diadakan di Dewan Milenium, Kepala Batas. Majlis ini telah dihadiri oleh tetamu kehormat YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir). Seramai 66 orang pesara dan 210 orang kakitangan telah menerima anugerah cemerlang dan penghargaan. Hadir sama adalah YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan serta para penerima anugerah dan pesara. Tahniah dan selamat maju jaya kepada semua penerima!

Ceremonies for Retirement Recognition 2018 & Excellent Service Award 2017 Seberang Perai Municipal Council

Retirement Recognition Ceremony 2018 and Excellence Service Award Ceremony 2017 of MPSP was held at the Millennium Hall, Kepala Batas. The ceremony was attended by honorable guests YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco of Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation). A total of 66 retirees and 210 staffs have received outstanding awards and recognitions. Also present was YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), heads of departments, awards recipients and pensioners. Congratulations and good luck to all recipients!

Majlis Perasmian Upcycle park MPSP

Majlis perasmian Upcycle Park telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang) pada 10 Mac 2018. Taman ini terletak bersebelahan Menara MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Upcycle Park ini telah dibangunkan oleh kakitangan MPSP sendiri bagi menempatkan barangan Upcycle di satu kawasan dan menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat untuk beriadah.

Kawasan ini merupakan kolam takungan Bandar Perda dan mempunyai keluasan 9,684.5 m^2 yang merangkumi kolam takungan dan kawasan hijau. Taman ini turut dilengkapi dengan beberapa komponen seperti laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter, Interlocking Pavers, bangku daripada kayu pallete dan tayar terpakai, jeti daripada batang pokok, hiasan daripada alat permainan terbuang, basikal terapung yang digunakan untuk mengutip sampah di kolam takungan dan pelbagai lagi peralatan dan perhiasan yang diperbuat daripada barangan terbuang.

Projek ini tercetus daripada idea dan tenaga para Pekerja Am MPSP yang dijadikan hadiah kepada penduduk Seberang Perai dengan menggunakan kos yang paling minimum. Dengan adanya kemudahan seperti ini, ianya diharap dapat meningkatkan kualiti persekitaran kawasan ini dan memberikan manfaat kepada seluruh penduduk setempat dalam meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup di samping menjadi platform integrasi sosial dalam masyarakat.

Hadir sama dalam majlis ini adalah YB Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang), YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti & Pengangkutan), YB Dr. Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan MPSP, wakil dari penaja dan orang ramai.

MPSP Upcycle Park Opening Ceremony

Opening ceremont of Upcycle Park was officiated by YAB Tuan Lim Guan Eng (Chief Minister of Penang) on 10th March 2018. The park is located next to MPSP Tower at Perda Town, Bukit Mertajam. The Upcycle Park was developed by MPSP's own staff to place upcycle items in one area and turn the area into a place for recreation.

This area is the reservoir of Perda Town and has an area of 9,684.5 m^2 which inclusive of the reservoir and green area. The park is also equipped with several components such as the 400-meter pedestrian walkway, Interlocking Pavers, benches that made out of pallets and used tires, jetty made out of tree trunks, decorations made out of recycled toys, floating bikes that is used to collect garbage at the reservoir pool and more equipment and decorations made out of recycled goods.

This project was derived from the idea and effort of the MPSP general workers which became a gift given to the people of Seberang Perai with minimum cost. With such facilities, it was expected to improve the quality of the surrounding environment and benefit the entire local residents by improving their health and well-being while make the park a social integration platform in the society.

Also present at the event were YB Prof. P. Ramasamy (Penang State Deputy Chief Minister II), YB Tuan Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities and Transportations), YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco of Agriculture, Agro-based Industry, Rural Development and Health), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), MPSP heads of departments, representatives from sponsors and the public.

JABATAN PERKHIDMATAN
KESIHATAN

JABATAN KEJURUTERAAN
JABATAN BANGUNAN

MPSP Car Free Morning@Seberang Perai Sempena Sambutan International Women's Day

Sempena sambutan International Women's Day, MPSP Car Free Morning@Seberang Perai beberapa aktiviti telah diadakan seperti Fitness Challenge, pertandingan mewarna, Kids Artworkshop, cabutan bertuah, soal selidik bajet 2019, pameran kesihatan dan Demo Self Defense oleh Penang Aikido. Antara yang hadir adalah YBhg Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), YBhg. Datin Hjh Che Limah Binti Haji Ujang (Pengerusi PUSPANITA MPSP), wakil PWDC, wakil dari Syarikat A tu Z, Ketua Jabatan MPSP, kakitangan dan orang ramai.

MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai in conjunction with The International Women's Day Celebration

In conjunction with the International Women's Day, MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai has have several activities such as Fitness Challenge, Coloring Contest, Kids Artworkshop, lucky draw, budget 2019 questionnaire, health exhibition and Self Defense Demo by Penang Aikido held. Among those who were present were YBhg Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), YBhg. Datin Hjh Che Limah binti Haji Ujang (Chairman of PUSPANITA, MPSP), representative of PWDC, representative of Syarikat A tu Z, MPSP heads of departments, staffs and the public.

Pelancaran Karnival 8R Bersama JCI Batu Kawan

Karnival 8R Bersama JCI Batu aKawan telah dilancarkan pada 25 Februari 2018 bertempat di Pasar Awam Taman Kota Permai Bukit Mertajam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP).

Karnival ini diadakan adalah bagi mewujudkan kesedaran kepentingan '*smart consumption*' dalam penjagaan alam sekitar di mana ianya merupakan satu elemen yang penting dalam penjimatan kos pengurusan sampah dan memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada.

Karnival ini dijalankan pada setiap hari Ahad minggu terakhir setiap bulan di Pasar Awam Kota Permai. Beberapa aktiviti telah diadakan seperti pembelian barang kitar semula, *Upcycle, Barter Trade*, jualan sayur organik, pertandingan melukis bertemakan 8R dan pemeriksaan kesihatan percuma. Pada masa yang sama, pihak JCI Batu Kawan juga turut sama membantu MPSP dalam kempen 8R bersama komuniti. Program ini sejajar dengan motto Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat dan secara langsung dapat membantu MPSP dalam usaha menjadikan Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

Antara yang hadir dalam program ini adalah Cik Ang Hui Fon (Presiden JCI Batu Kawan), Encik Yeoh Kang Wei (Pengerusi Jawatankuasa Penganjur JCI Batu Kawan), Ketua Jabatan MPSP, ahli-ahli JCI dan para penduduk.

Launching of 8R Carnival with JCI Batu Kawan

8R Carnival with JCI Batu Kawan was launched on 25th February 2018 at Public Market Taman Permai, Bukit Mertajam. The opening ceremony was officiated by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP).

This carnival is to create awareness of the importance of 'smart consumption' in taking care of the environmental, which is an important element in cost savings for waste management and extending the life span of existing garbage disposal sites.

This carnival runs on every Sunday of the last week of the month at Kota Permai Public Market. Several activities were held such as purchace of recyclables, Upcycle, Barter Trade, organic vegetable sales, 8R themed drawing competitions and free health checks. At the same time, the Batu Kawan JCI team also helped MPSP in the 8R campaign together with the community. This programme is in line with the motto of the Penang State Government in making Penang a Cleaner, Greener, Safer and Healthier state and can directly assist MPSP in the effort to make Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow.

Among those were present at the programme were Ms. Ang Hui Fon (President of JCI Batu Kawan), Mr. Yeoh Kang Wei (Chairman of the JCI Organizing Committee of Batu Kawan), MPSP heads of departments, JCI members and residents.

Majlis Perasmian Pocket Park dan Pecah Tanah Gelanggang Pelbagai Guna Lebuh Kampung Benggali, Butterworth

Projek naik taraf Pocket Park Lebuh Kampung Benggali merupakan salah satu pengisian program di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu kerjasama MPSP dan Think City Sdn. Bhd. Pocket Park ini berkeluasan 1096 kaki persegi dan dilengkapi dengan beberapa komponen seperti *Feature Swing, Par Course Equipment, Park Bench* dan *Feautre Play Mound*. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM 300,000.00 dan dibiayai sepenuhnya oleh Think City Sdn. Bhd.

Dalam majlis yang sama, majlis pecah tanah naik taraf gelanggang pelbagai guna juga turut diadakan. Gelanggang lama yang terletak bersebelahan Pangsapuri Ria akan dinaik taraf untuk memberi kemudahan awam dan sosial untuk kegunaan penduduk menjalankan pelbagai aktiviti. Gelanggang pelbagai guna yang bakal dibina ini berkeluasan 1466 kaki persegi dan kos keseluruhan pembinaan adalah sebanyak RM450,000.00. Gelanggang ini juga turut dilengkapi dengan beberapa komponen iaitu *Multi Use Hardcourt, Dual Use Space – Sport / Event Space, Shaded Spectator Seat, Landscaping dan Visual Corridor / Pedestrian Walkaway to Temple.*

Dengan adanya kemudahan awam seperti *Pocket Park* dan gelanggang pelbagai guna ini, ianya dapat memberikan impak positif terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan Lebuh Benggali dan memenuhi keperluan penduduk setempat dalam mencapai kualiti kehidupan yang tinggi selaras dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih Bersih, Hijau, Selamat & Sihat.

Hadir bagi menyempurnakan perasmian majlis ini adalah YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Turut hadir adalah YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), YB Tuan Tanashekaran A/L Autherapady (Adun Bagan Dalam), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBrs. Hjh Ir Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Encik Murali Ram (Pengarah Projek Think City), Ketua Jabatan MPSP dan para penduduk.

Opening Ceremony of Pocket Park and Groundbreaking Ceremony of Multipurpose Court of Kampung Benggali, Butterworth

The upgrading project of Pocket Park Lebuh Kampung Benggali is one of the programmes under the Intervention Old Town Action Plan, New Butterworth Plan of MPSP and Think City Sdn. Bhd. The Pocket Park is 1096 square feet and equipted with several components such as Feature Swing, Par Course Equipment, park bench and Feautre Play Mound. The total cost of this project is RM 300,000.00 and is fully funded by Think City Sdn. Bhd.

At the same event, a ground-breaking ceremony for the multipurpose court was also held. An old court located next to Ria Apartments will be upgraded to provide public and social facilities for the residents to carry out various activities. This multipurpose court to be built covers an area of 1466 square feet and the total cost of construction is RM450,000.00. This court will also be equipped with Multi Use Hardcourt, Dual Use Space - Sport / Event Space, Shaded Spectator Seat, Landscaping and Visual Corridor / Pedestrian Walkaway to Temple.

With the availability of public amenities such as Pocket Park and multipurpose court, it can have a positive impact on the quality improvement of Lebuh Benggali area and meet the needs of local residents in achieving high quality life in line with the State Government's initiative to create Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang state.

Presented to officiate the ceremony was YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). Also present were YB Tuan Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities and Transportations), YB Tuan Tanashekaran A/L Autherapady (Bagan Dalam Assemblyman), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), Mr. Murali Ram (Think City Project Director), MPSP heads of departments and residents.

Pelancaran Kenderaan Pelbagai Guna (Multi Purpose Vehicle)

Ybhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah merasmikan kenderaan pelbagai guna (MPV) yang akan digunakan untuk kerja-kerja pengurusan bencana di Seberang Perai. Kenderaan pelbagai guna yang berharga sebanyak RM 742,000 ini dilengkapi dengan kemudahan berikut :

- Centrifugal pump berkapasiti 3,000 liter per minit
- Tangki air berkapasiti 5,000 liter
- Chasis 13 tan pacuan empat roda berkuasa 240hp dan dikelaskan sebagai kenderaan bertaraf Euro3
- Crew cab yang boleh memuatkan seramai 5 hingga 7 anggota
- Ruangan penyimpanan peralatan

Kenderaan ini akan digunakan bagi memberi tindakbalas semasa bencana seperti kejadian kebakaran, banjir, pokok tumbang, tumpahan minyak dan lain-lain disamping melaksanakan aktiviti-aktiviti pembersihan awam seperti pembersihan jalan, pembersihan parit tersumbat dan sebagainya. Ia mempunyai kemampuan untuk memasuki kawasan yang tidak rata dan berlopak. Kenderaan ini juga berkemampuan untuk memasuki kawasan yang mengalami banjir bagi memberi bantuan menyelamat sekiranya diperlukan. Berbanding dengan kenderaan-kenderaan berat lain yang ada di MPSP, kenderaan ini merupakan kenderaan yang mempunyai ketahanan yang tinggi terhadap persekitaran yang lasak dan mampu dimobilisasikan ke dalam kawasan yang mengalami bencana.

Kenderaan ini akan ditempatkan untuk kegunaan Skuad Khas. Dengan adanya kenderaan pelbagai guna (MPV) ini, tindakan dapat diambil dengan lebih berkesan oleh Skuad Khas. Pembelian kenderaan pelbagai guna (MPV) ini juga merupakan sebuah langkah persediaan bagi Seberang Perai menghadapi sebarang kemungkinan bencana dimasa hadapan dan meningkatkan keupayaan Seberang Perai untuk bangkit dengan segera sebagai sebuah bandar yang berdayatahan (resilient), berdayahuni (livable) dan berdayasaing (competitive).

Launching of Multipurpose Vehicle

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) has officially launched Multipurpose Vehicle (MPV) to be used for disaster management work in Seberang Perai. The multipurpose vehicle costing RM 742,000 is equipped with the following facilities:

- Centrifugal pump with capacity of 3,000 liters per minute

- 5,000-liters water tank

- Chassis 13 ton four-wheel drive with 240 hp and is classified equivalent to a Euro3 vehicle

- Crew cab that can accommodate up to 5 to 7 members

- Equipments storage space

This vehicle will be used to respond during disasters such as fires, floods, fallen trees, oil spills etc. in addition to performing public cleaning activities such as road clearing, cleaning clogged trenches and so on. It has the ability to enter an area with uneven surface. The vehicle is also capable of entering flooded area to provide rescue and support if required. Compared with other heavy vehicles in MPSP, this vehicle is a vehicle with high durability towards a rugged environment and is capable to be mobilized into disaster areas.

This vehicle will be placed under the use by the Special Squad. With this multipurpose vehicle (MPV), action can be taken more effectively by the Special Squad. Purchase of this multipurpose vehicle is also a preparation step for Seberang Perai to face any possible future disasters and to increase Seberang Perai's ability to rise quickly to become a resilient, livable and competitive city.

Majlis Pelancaran Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPUR)

Pelancaran Kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah (GEMPUR) yang dilancarkan oleh SPRM Pulau Pinang pada 13 Februari 2018 adalah bertemakan slogan “Anda Hulur, Kami Lapor”. GEMPUR merupakan penjenamaan semula kepada kempen “Perangi Pemberi Rasuah”. Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abdul Aziz Bin Aban (Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang) di Auditorium MPSP.

Objektif GEMPUR ini adalah sebagai peringatan kepada penjawat awam untuk menolak dan melaporkan gejala rasuah, mendidik orang ramai agar tidak menawarkan rasuah kepada penjawat awam, meningkatkan imej pegawai perkhidmatan awam. Diharap semua kakitangan MPSP dapat memberi komitmen untuk bersama-sama SPRM dalam membanteras gejala rasuah dan salah gunakuasa agar tidak menggugat perkhidmatan MPSP dan juga negeri Pulau Pinang.

Hadir sama dalam majlis ini ialah YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, Pegawai-Pegawai Kanan SPRM, Ketua Jabatan MPSP dan kakitangan.

Launching Ceremony of the Fight Against Corruption Campaign (GEMPUR)

Launching of the Fight Against Corruption Campaign (GEMPUR) launched by Penang MACC on 13th February 2018 is themed with the slogan "Anda Hulur, We Report". GEMPUR is a rebranding campaign to the "Perangi Pemberi Rasuah" campaign. The opening ceremony was officiated by YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Aban (Director of Penang State MACC) at the MPSP Auditorium.

The objective of GEMPUR to become a reminder to civil servants to refuse and report corruption, educating the public not to offer bribes to civil servants and to improve the image of public service officers. It is hoped that all MPSP staff will be committed to co-operate with the MACC in combating corruption and abuse of power in order not to affect serviced of MPSP as well as in Penang state.

Also present at the ceremony were YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors, MACC senior officers, MPSP heads of departments and staffs.

Lawatan Delegasi World Urban Forum Ke- (WUF9)

Delegasi dari World Urban Forum Ke-9 (WUF9) telah mengadakan lawatan ke Homestay Kota Aur, Kepala Batas pada 10 Februari 2018. Lawatan ini melibatkan seramai 150 orang delegasi dari dalam dan luar negara. Pelbagai program telah diadakan diantaranya ialah persembahan tradisional iaitu seperti persembahan pencak silat, boria, acara membuat kuih tradisional dan pelbagai program yang berbentuk kebudayaan tempatan. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP, wakil dari agensi kerajaan, Ketua Jabatan MPSP dan penduduk kampung Kota Aur, Kepala Batas.

World Urban Forum Delegation Visit (WUF9)

The delegation from the 9th World Urban Forum (WUF9) had visited Homestay Kota Aur, Kepala Batas on 10th February 2018. This visit involved a total of 150 delegates from within and outside of the country. Various programmes have been held such as traditional performances like martial arts performances, boria, traditional cake making and various others local cultural programmes. Also present were YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Ynag Dipertua MPSP), MPSP councilors, representatives from government agencies, MPSP heads of departments and villagers of Kota Aur, Kepala Batas.

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai 2018

Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai bagi tahun 2018 telah diadakan pada 8 Februari 2018 bertempat di Auditorium MPSP. Anugerah ini telah diadakan sejak tahun 2010 lagi. Sekolah-sekolah yang menyertai anugerah ini akan dinilai mengikut beberapa kriteria utama dan penilaian akan dibuat pada bulan September tahun ini. Antara kriteria utama tersebut adalah Kecekapan Sumber Asli, Penjimatan Air, 3R, Inovasi Dan Kreativiti, Kebersihan Dan Penghijauan serta Penglibatan Komuniti.

Program ini bertujuan untuk memberi pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan di samping menerapkan pendidikan alam sekitar kepada para pelajar. Diharap program ini berjaya menarik minat golongan pelajar dan pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya kerana agensi pendidikan merupakan titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Mohd Puad Bin Hamid (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP). Hadir sama Ahli Majlis MPSP, Puan Suhana Binti Kassim (Pengurus Besar Sumber Manusia Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd.), Encik K.P. Koh (Pengurus Kewangan Jinko Solar Technology Sdn. Bhd.), Encik Sam Lee (Wakil Wilayah Utara Pekat Solar Sdn. Bhd.), Ketua Jabatan MPSP dan para guru.

Launching Ceremony of Green School Award 2018 at Seberang Perai Level

The launching ceremony of the Seberang Perai Green School Award for 2018 was held on 8th February 2018 at the MPSP Auditorium. This award was held since 2010. The participating schools will be judged according to some of the key criteria and ratings that will be made in September this year. Among the key criteria are Natural Resources Efficiency, Water Savings, 3R, Innovation and Creativity, Hygiene and Greening as well as Community Engagement.

The programme aims to provide a holistic approach towards environmental management and to encourage continuous improvement while foster environmental education among students. Hopefully this programme will attract students and educators to make environmental preservation activities a culture as education agencies are an important starting point in forming a society that loves the environment in line with MPSP's goal of making Seberang Perai a Carbon Low City by 2022.

The opening ceremony was officiated by Yang Berusaha Encik Mohd Puad bin Hamid (Director of MPSP Municipal Services). Also present were MPSP councilors, Mrs. Suhana binti Kassim (Human Resource General Director of Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd.), Mr. K.P. Koh (Financial Manager of Jinko Solar Technology Sdn Bhd), Mr. Sam Lee (representative from Wilayah Utara Pekat Solar Sdn. Bhd.), MPSP heads of departments and teachers.

Pemberian Bekas Kitar Semula Kepada Agensi Kerajaan

Majlis penyerahan bekas kitar semula kepada agensi kerajaan telah diadakan pada 7 Februari 2018 bertempat di Auditorium MPSP. Program ini adalah kerjasama antara Syarikat Amphenol TCS dengan MPSP dan merupakan kali pertama diadakan. Program ini juga bertujuan untuk menjadikan agensi kerajaan sebagai badan yang memahami dan mengamalkan aktiviti ktiar semula dan pada masa yang sama dapat melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di pejabat. Sebanyak 50 tong kitar semula telah diberikan kepada 50 buah agensi kerajaan.

Diharap dengan pemberian bekas kitar semula ini, ianya dapat menjadikan amalan kitar semula sebagai budaya di tempat kerja mahupun di rumah di kalangan kakitangan kerajaan selaras dengan matlamat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon mejelang tahun 2022. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP). Hadir sama adalah Ahli Majlis MPSP, Dato' Lee Teong Li (Pengurus Kumpulan Syarikat Amphenol TCS Bukit Minyak), Mr. David Silverman (Corporate Human Resource Vice President Amphenol United State of America), para pegawai Syarikat Amphenol TCS Bukit Minyak dan Ketua Jabatan MPSP.

Handing Over of Recycling Bins to Government Agencies

Ceremony of Handing Over Recylcing Bins to Government Agencies were held on 7th February 2018 at the MPSP Auditorium. This programme is a collaboration between Amphenol TCS Company and MPSP and is the first time ever. The programme also aims to make government agencies a body that understands and practices recycling activities while at the same time implements the Waste Separation at Source Policy in the offices. A total of 50 recycling bins were given to 50 government agencies.

Hopefully, with these recycling bins, it will make recycling practices a culture at work place or even at home among government employees in line with MPSP's goal of making Seberang Perai a Low Carbon City by 2022. The opening ceremony was officiated by YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary). Also present were MPSP councilors, Dato' Lee Teong Li (Manager of Amphenol TCS Group, Bukit Minyak), Mr. David Silverman (Corporate Human Resource Vice President of Amphenol United State of America), officials of Amphenols TCS Company, Bukit Minyak and MPSP heads of departments.

Majlis Penyerahan Sijil 'The Malaysia Book Of Records' – Agensi Kerajaan Tempatan Pertama Yang Mendapat Tujuh Persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti

Majlis Perbandaran Seberang Perai sekali lagi telah disenaraikan dalam *The Malaysia Book Of Records* sebagai Agensi Kerajaan Tempatan Pertama yang menerima Tujuh Persijilan Sistem Pengurusan berteraskan kualiti. Majlis penyerahan sijil ini telah diadakan pada 2 Februari 2018 bertempat di Ixora Hotel, Perai dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Antara persijilan berikut adalah :

i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015 (QMS)
ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 : 2015
iii. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001 : 2007 (OSHMS)
iv. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001 : 2001 (EnMS)
v. Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS)
vi. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC27001 : 2013 (ISMS)
vii. Sistem Pengurusan Anti-Suapan (Anti-Bribery) ISO 37001 : 2016 (ABMS)

Sistem kualiti ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada kakitangan MPSP dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti daripada perkhidmatan teras dan sokongan yang turut mengambil kira aspek alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, penjimatan tenaga dan anti-suapan. Dengan pengiktirafan ini, ianya dapat menjadi pemangkin kepada kakitangan MPSP untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkualiti kepada penduduk Seberang Perai dalam merealisasikan impian untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Antara yang hadir dalam majlis ini adalah Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Puan Siti Hajar Binti Johor (wakil dari Malaysia Book Of Records), wakil dari MPC, Ketua Jabatan MPSP, wakil persatuan dan pertubuhan dari MPSP serta kakitangan.

Tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menyokong dan memberi kerjasama padu kepada MPSP dalam mencapai kejayaan ini.

The 'Malaysia Book of Records' Certificate Giving Ceremony - The First Local Government Agency Received Seven Certificates of Quality-Based Management System

Once again, the Seberang Perai Municipal Council was listed in The Malaysia Book of Records as the first local government agency that received seven Certificates on Quality Management Systems. This certificate giving ceremony was held on 2nd February 2018 at Ixora Hotel, Perai and was officiated by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). The certifications are as follow:

i. Quality Management System ISO 9001: 2015 (QMS)

ii. Environmental Management System ISO 14001: 2015

iii. Occupational Safety and Health Management System OHSAS 18001: 2007 (OSHMS)

iv. ISO 50001 Energy Management System: 2001 (EnMS)

v. 5S Quality Environment Management System (QEMS)

vi. Information Security Management System ISO / IEC27001: 2013 (ISMS)

vii. ISO 37001: 2016 (ABMS) Anti-Bribery Management System (Anti-Bribery)

These quality systems aim to provide guidelines to MPSP staffs in implementing activities from core services and support which also takes into account aspects of environmental, occupational safety and health, energy saving and anti-bribe. With these recognition, it can serve as a catalyst for MPSP staffs to provide more efficient and higher quality services to Seberang Perai residents in realizing the dream of making Seberang Perai a Smart City by 2022.

Among those attended this ceremony were MPSP councilors, YBhg. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), Puan Siti Hajar binti Johor (representative from Malaysia Book of Records), representatives from MPC, MPSP heads of departments, representatives of MPSP associations and organizations and staffs.

Congratulations and a million thanks to all who have supported and co-operated with MPSP in achieving this success.

Anugerah Malaysia Landscape Arhitecture Awards (MLAA) Gala Dinner Oleh Institute Of Landscape Malaysia (ILAM)

Majlis Perbandaran Seberang Perai Menerima Anugerah Di Malaysia Landscape Arhitecture Awards (MLAA) Gala Dinner Oleh Institute Of Landscape Malaysia (ILAM) Pada 21 April 2018 Di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima anugerah di Majlis Malaysia Landscape Arhitecture Awards (MLAA) Gala Dinner pada 22 April 2017 iaitu :

Special Honour Award Bagi *Government Category: Green Initiatives Awards* telah dinobatkan kepada Projek Butterworth Fringe Festival : *A Creative Placemaking In Urban Public Spaces* yang telah menerima trofi & sijil.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mantek (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan)

The Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) Gala Dinner by Institute of Landscape Malaysia (ILAM)

Seberang Perai Municipal Council received award in Malaysia Landscape Arhitecture Awards (MLAA) Gala Dinner by Institute of Landscape Malaysia (ILAM) on 21st April 2018 at The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Seberang Perai Municipal Council received the award at the Malaysian Council of Landscape Arhitecture Awards (MLAA) Gala Dinner on 22 April 2017 for:

Special Honor Award for Government Category: Green Initiatives Awards has been awarded to the Butterworth Fringe Festival Project: A Creative Placemaking in Urban Public Spaces that have received trophy certificate.

The ceremony was officiated by YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mantek (General Secretary of the Ministry of Housing and Local Government).

Majlis Perasmian Projek Pemasangan Lampu Taman Tunku Seberang Jaya

Perasmian Projek Pemasangan Lampu Taman Tunku Seberang Jaya telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Projek ini merupakan usaha MPSP bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan kemudahan kepada penduduk Seberang Perai khususnya di sekitar Seberang Jaya untuk beriadah dengan selamat pada waktu malam. Projek ini merupakan fasa ke 3 yang dilaksanakan oleh MPSP. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM239,610.00. Selain pemasangan lampu, MPSP juga telah menaiktaraf jambatan sediaada sepanjang 30 meter yang dilengkapi dengan Ramp untuk kemudahan warga emas dan OKU.

Dengan adanya kemudahan seperti ini, diharapkan orang ramai dapat menikmati dan mendapat manfaat serta dapat mewujudkan persekitaran yang selamat sejajar dengan visi MPSP untuk memacukan Seberang Perai ke arah R*esilient, Inclusive, Green, Competitive And Technology Driven Smart City*. Hadir sama dalam majlis ini, YB Dr. Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti & Pengangkutan), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan, wakil komuniti dan penduduk.

Opening Ceremony of Taman Tunku Seberang Jaya Lighting Installation

The opening ceremony of Taman Tunku Seberang Jaya Lighting Installation Project was officiated by YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). This project is a joint effort of MPSP with the Penang State Government to provide facilities for the Seberang Perai residents especially around Seberang Jaya to be able to enjoy recreation at night safely. This project is the 3rd phase implemented by MPSP. The total cost of this project is RM 239,610.00. In addition to lighting installation, MPSP has also upgraded a 30-meter long existing bridge by equipping it with ramp for senior citizens and the disabled.

With such facilities, it is hoped that the public will enjoy and benefit from it while creating a safe environment in line with MPSP's vision of driving Seberang Perai towards Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City. Also present at the event, YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco of Agriculture, Agro-based Industries, Rural Development and Health), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities and Transportations), YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), heads of departments, community representatives and residents.

Program Sesi Dialog "Saya Peniaga Berintegriti"

Program ini merupakan kerjasama antara Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan MPSP dan berkonsepkan bual bicara yang terdiri daripada 2 ahli panel iaitu YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) dan Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI). Program ini bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada para peserta mengenai etika perniagaan dan tadbir urus yang baik dalam perniagaan disamping membudayakan nilai integriti di kalangan para peniaga. Selain itu, ia juga menjadi platform dalam membincangkan isu-isu berkaitan etika perniagaan yang memerlukan perhatian dan tindakan daripada pihak berkuasa tempatan. Turut hadir dalam program ini Ahli Majlis MPSP, YBrs. Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), ketua-ketua jabatan, pegawai dari INTEGRITI, wakil komuniti serta para peniaga.

Dialogue Session Programme "I'm a Businessperson with Integrity"

This programme is a collaboration between the Malaysian Institute of Integrity (INTEGRITI) and MPSP and it's a conceptual talk that consists of 2 panel members namely YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) and Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin (Deputy Chief Executive Officer of INTEGRITI). The programme aims to provide participants with an understanding of business ethics and good governance in business as well as to instill integrity values among traders. In addition, it is also serves as a a platform to discuss business-related issues that require attention and action from local authorities. Also present at this programme is MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), heads of departments, officials from INTEGRITI, community representatives and businesspeople.

Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2018

Pelancaran Earth Day Challenge 2018 Anjuran Flex Penang

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah hadir bagi merasmikan Majlis Pelancaran Earth Day Challenge 2018 bertempat di Flex Penang P5, Kawasan Perusahaan Perai pada 9 April 2018. Program ini diadakan bersempena Kempen Hari Bumi 2018 yang disambut pada 22 April setiap tahun sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Program yang diadakan ini adalah merupakan perkongsian bijak melalui konsep 7P (People, Public, Private, Philanthrophy, Philosopher, Planet Partnership) di mana MPSP menjalin kerjasama dengan syarikat korporat yang secara tidak langsung memberi kesan positif dalam usaha pemeliharaan alam sekitar. Flex Penang juga turut mengadakan beberapa aktiviti sempena sambutan Hari Bumi seperti penanaman pokok bakau di Sungai Acheh, pengutipan sampah di kawasan kilang dan beberapa program bersama MPSP.

Dengan adanya usaha sebegini, ianya secara langsung dapat menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2022 dan merealisasikan motto Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat untuk didiami. Turut hadir dalam majlis ini adalah Encik Viswanathan Paramasivam (Ketua Operasi Flex Penang) dan para pegawai kanan dan kakitangan Flex Penang.

Launching of Earth Day Challenge 2018 Organized by Flex Penang

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) was present to officiate the Earth Day Challenge 2018 at the Flex Penang P5, Perai Industrial Area on 9th April 2018. The programme was held in conjunction with the Earth Day 2018 Campaign celebrated on 22nd April every year as an effort to cherish the earth and to instill responsibility among the people to protect the earth and the environment. The programme is a smart partnership through the 7P concept (People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership) where MPSP is working with corporate companies that indirectly contribute positively to environmental conservation efforts. Flex Penang also held several activities in conjunction with the Earth Day celebration such as mangrove planting in the Acheh River, garbage collection around factory areas and several other programmes with MPSP.

With such efforts, it can directly contribute in making Seberang Perai a Low Carbon City by 2022 and realize the motto of the state government to make Penang a Clean, Green, Safe and Healthy state to live in. Also present at this ceremony were Mr. Viswanathan Paramasivam (Operations Director of Flex Penang) and senior officers and staffs of Flex Penang.

I ♥
PENANG
#UntukNegeriKita
RUN
11th MARCH 2018 | 7.30AM
SEBERANG PERAI

START / FINISH

"The Largest Fun Run Event In Malaysia"

START / FINISH

Pesta Ponggal MPSP 2018

Pesta Ponggal MPSP 2018 telah diadakan pada 11 Februari 2018 bertempat di Rain Garden Jalan Jeti Lama, Butterworth. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Prof. P. Ramasmy (Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang). Beberapa acara telah diadakan dalam program tersebut seperti pertandingan membuat 'kolam', pertandingan 'ponggal', YBrs. dan cabutan bertuah. Hadir sama, Ahli Majlis MPSP, Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan dan kakitangan MPSP.

MPSP Ponggal Festival 2018

The MPSP Ponggal Festival 2018 was held on 11st February 2018 at Rain Garden, Jalan Jeti Lama, Butterworth. The opening ceremony was officiated by YB Prof. P. Ramasmy (Penang Deputy Chief Minister II). Several events were held in the programme such as 'kolam' competition, 'ponggal' competition, uri adithal and lucky draws. Also present were MPSP councilors, YBrs. Ir Hjh Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), MPSP heads of departments and staffs.

Program MPSP Mesra Pelanggan

Program MPSP Mesra Pelanggan #AndaAdaMasalahKamiPermudah telah diadakan pada 25 Januari 2018 (Khamis) bertempat di Auditorium dan perkarangan Lobi MPSP. Program ini bertujuan untuk memberi taklimat dan penerangan kepada orang awam serta membantu mereka dalam membuat sebarang permohonan berkaitan dengan beberapa garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MPSP. Juga diadakan sesi taklimat dan soal jawab, pameran perkhidmatan MPSP, promosi bayaran kompaun letak kereta dan kompaun binaan tanpa kebenaran.

MPSP Customer Friendly Programme

MPSP Customer Friendly Programme #AndaAdaMasalahKamiPermudah was held on 25th January 2018 (Thursday) at the Auditorium and MPSP lobby areas. The programme aims to provide briefings and explanations to the public and assist them in making any requests relating to some guidelines issued by MPSP. Briefing session and question and answer session, MPSP service exhibition, promotion for parking compound and unauthorized construction compound payment were also held.

Perasmian Pameran Dunia Media 2018 & Pelancaran Jom Membaca 10 Minit

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah hadir bagi merasmikan Majlis Perasmian Pameran Dunia Media 2018 dan Pelancaran Jom Baca 10 Minit anjuran Perbandaran Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang. Program ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia. Program ini merupakan usaha besar PPAPP dalam memartabatkan kedudukan buku sebagai sumber pengetahuan utama. Di samping itu, program ini juga dapat dijadikan sebagai platform dalam kempen galakan membaca yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan amalan membaca dalam menimba ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam majlis yang sama, Novel Online Suci Hidayat turut dilancarkan. Turut diadakan penyampaian cenderamata Anugerah Pembaca Terbanyak, pameran dan gerai jualan buku oleh beberapa syarikat buku. Hadir sama dalam majlis ini adalah Puan Sharimah Binti Salleh (Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang), Ahli Lembaga Pengarah PPAPP, YBhg. Datin Hjh Che Limah Binti Haji Ujang (Pengerusi PUSPANITA MPSP), penulis novel Suci Hidayat, Ketua Jabatan MPSP, para pegawai dari PPAPP dan para pelajar sekolah.

Opening of World Media Exhibition 2018 & Launching of Let's Read for 10 Minutes

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) was present to officiate the opening ceremony of the World Media Exhibition 2018 and the launching of Let's Read for 10 Minutes by Penang Municipal Public Library. The programme is held in conjunction with the celebration of World Book and Copyright Day. This programme is a great effort for PPAPP in upholding the position of books as a major source of knowledge. In addition, the programme served as a campaign platform to encourage reading practice which purpose is to make the public realise the importance of reading in acquiring knowledge and life-long learning. In the same ceremony, the online novel "Suci Hidayat" was also launched. Souvenirs presentation to Read the Most Readers Award, exhibition and bookstores set up by several book companies were also held. Presented at the ceremony was Mrs. Sharimah binti Salleh (Director of Penang Public Library Corporation), board members of PPAPP, YBhg. Datin Hjh Che Limah binti Haji Ujang (Chairman of PUSPANITA MPSP), novel author of Suci Hidayat, MPSP heads of departments, officials from PPAPP and school students.

Food Truck Invasion di Design Village Batu Kawan

RM2 Mini Food Festival di Butterworth Art Walk

BIL. 1/2018

BULETIN MPSP

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

Tel : 04 - 549 7555
Fax : 04 - 538 9700
Website : www.mpsp.gov.my